

Agih Jalur Gemilang Di Tol Ayer Keroh Semarak Elemen Patriotik

Oleh **AFLIEZA ARSHAD**

AYER KEROH, 1 Sept. - Sempena Hari Kemerdekaan Ke-56, Philea Resort & Spa turut bersama-sama rakyat Malaysia menyemarakkan semangat patriotik bersama pengunjug hotel terbabit.

Sebagai buah tangan



Soo Wincci dan kakitangan Philea Resort & Spa mengagihkan Jalur Gemilang kepada pemandu yang melalui Tol Ayer Keroh

pihak hotel kepada tetamu yang menginap di situ, satu persembahan istimewa telah diadakan di lobi hotel tersebut yang disertai kakitangan dan barisan artis terkenal tanahair.

Dengan berlatarkan lagu popular nyanyian asal Allahyarham Sudirman, 'Tanggal 31 Ogos', per-

karangan lobi hotel cukup meriah apabila semua yang hadir turut menyanyikan lagu tersebut sambil mengibarkan Jalur Gemilang.

Kakitangan hotel dan artis-artis tersebut seterusnya berarak ke Tol Ayer Keroh untuk menyerahkan bendera kepada pemandu yang keluar dari arah tol menghala ke pusat bandar.

Menurut Pengarah Pemasaran dan Komunikasi, Philea Resort & Spa, Connie Chin, objektif acara ini adalah untuk mempromosikan intergrasi pelbagai kaum menerusi elemen patriotik.

"Ini adalah sebahagian cara untuk kami menterjemahkan rasa kecintaan terhadap negara, kerana hari kemerdekaan adalah perayaan untuk semua kaum tanpa dibatasi fahaman politik dan agama," katanya.

Program julung kali

yang mendapat kerjasama pihak ERA FM ini turut disertai barisan artis popular antaranya Faizal Tahir, Black, Najwa Latif, kumpu-

lan Fourteen, Soo Wincci serta dua artis Indonesia Syae dan Firman.

Artis-artis terbabit seterusnya menyertai per-

lawanan bola sepak persahabatan antara artis residen ERA FM's

dengan pemain-pemain veteran di Stadium Hang Jebat.



Sebahagian artis dan kakitangan Philea Resort & Spa bergambar kenangan